LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN JANGKITAN COVID-19 DI INSTITUSI JAGAAN WARGA EMAS

BAGI PEKERJA INSTITUSI

Anda boleh membantu melindungi diri anda, rakan sekerja dan penghuni institusi dari jangkitan COVID-19 dengan:

- Cuci tangan:
  - Sebelum dan selepas mengendali perkakasan/ persekitaran/ peralatan dan penghuni
- Maklumkan kepada majikan jika ada penghuni yang tidak sihat.

- Pastikan anda memakai alat pelindung seperti sarung tangan, penutup hidung dan mulut *(mask)*, penutup kepala dan sarung pakaian apabila mengendali penghuni yang sakit.

- Jika anda tidak sihat, maklumkan kepada majikan anda. Elakkan dari datang ke institusi. Segera dapatkan rawatan di klinik / hospital.

PESANAN AM

- Kerap cuci tangan anda. Gunakan air dan sabun; atau dengan bahan pencuci tangan *(Hand Sanitizer)*.

- Elakkan menyentuh mata, hidung dan mulut. Cuci tangan sebelum dan selepas menyentuh mata, hidung dan mulut.

- Tutup mulut dan hidung dengan siku atau tisu semasa batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah. Cuci tangan selepas batuk atau bersin.

- Jauhkan diri anda dari tempat orang berkumpul.
- Jarakkan diri anda sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain.

Diterbitkan oleh: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga